Lampiran

<table>
<tr>
<td>F14</td>
<td>Anak<br>• Bilangan<br>• Kelayakan 100%<br>• Kelayakan 50%</td>
<td>Rujuk Helaian Kerja HK-13.<br><br><u>Bilangan</u><br>Isikan jumlah bilangan anak yang layak dituntut pelepasan sepenuhnya (Kelayakan 100%) atau sebahagiannya (Kelayakan 50%) oleh individu.<br><br><u>Kelayakan 100%</u><br>Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td><u>Kelayakan 50%</u><br>Ruang ini hanya berkenaan jika dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut 50% daripada pelepasan yang dibenarkan sebagai potongan. Contohnya, apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama.<br><br>Bagi Taksiran Berasingan, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing.<br><br>Contoh:<br>Ali mempunyai lima (5) orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah:<br><br>
<table>
<tr><th></th><th>Ali</th><th>Isteri</th><th></th><th>Ali</th><th>Isteri</th></tr>
<tr><td>(i)</td><td>5</td><td>0</td><td>(iv)</td><td>2</td><td>3</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>4</td><td>1</td><td>(v)</td><td>1</td><td>4</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>3</td><td>2</td><td>(vi)</td><td>0</td><td>5</td></tr>
</table>
<br>Potongan untuk anak adalah tidak dibenarkan sekiranya anak berkenaan menerima jumlah pendapatan yang melebihi potongan yang dibenarkan untuk anak tersebut.<br><br>Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak boleh dianggap sebagai pendapatan anak:<br>• Amaun yang diterima sebagai biasiswa, geran atau elaun yang serupa dengannya – perenggan 24 Jadual 6 ACP 1967; dan<br>• Pembayaran yang diterima oleh anak yang berkhidmat dengan majikan di bawah suatu ikatan artikel atau indentur.<br><br>Subseksyen 48(5) ACP 1967.</td>
</tr>
</table>